



**PEKELILING
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
BILANGAN 12/1975**

Perserahan Suratcara Di Pejabat Pendaftaran

Surat Pekeliling ini dikeluarkan untuk manasihat Pendaftar-pendaftar Hakmilik dan Pemungut-pemungut Hasil Tanah mengenai cara menguruskan perserahan sesuatu suratcara urusan.

2. Di bawah seksyen 292(2) Kanun Tanah Negara, sesuatu suratcara boleh diserahkan di Pejabat Pendaftaran mengikut salah satu cara yang berikut:

- (a) dengan menyampaikan sendiri di Pejabat Pendaftaran dalam waktu Pendaftaran;
- (b) dengan menghantarnya melalui pos kepada Pendaftar.

Suratcara urusan mestilah diterima untuk perserahan jika syarat-syarat berikut dipatuhi;

- (a) suratcara itu telah disempurnakan dengan betul oleh pihak-pihak yang berkenaan mengikut Seksyen 210 dan 211 Kanun Tanah Negara;
- (b) suratcara itu disertakan dengan bayaran pendaftaran yang ditetapkan dan bayaran pendaftaran lewat di bawah seksyen 293(1)(b) Kanun Tanah Negara, jika diperlukan;
- (c) suratcara itu telah dikenakan bayaran cukai setem dengan sepenuhnya seperti yang dikehendaki di bawah seksyen 294(1), Kanun Tanah Negara.

3. Penerimaan sesuatu suratcara untuk perserahan itu akan menentukan keutamaannya oleh kerana di bawah seksyen 304(1) Kanun Tanah Negara tarikh dan masa perserahan akan menjadi tarikh dan masa pendaftaran. Apabila sesuatu suratcara untuk perserahan diterima, Pendaftar adalah dikehendaki di bawah undang-undang supaya mencatatkan tarikh dan masa penerimaannya. Jika waktu Pendaftaran telah ditetapkan, sesuatu suratcara itu hanya boleh diterima mengikut cara di perenggan 2(a) pada waktu itu sahaja. Suratcara yang dihantar melalui pos bolehlah diterima pada bila-bila masa pun dan untuk perserahan seperti ini, seksyen 292(2) Kanun Tanah Negara memperuntukkan bahawa masa perserahan adalah masa suratcara itu dikeluarkan dari sampulnya.

4. Di bawah seksyen 295(1) Kanun Tanah Negara, Pendaftar adalah dikehendaki merekodkan butir-butir mengenai suratcara yang diterima untuk perserahan di dalam Buku

Perserahan dan oleh yang demikian perlu tiap-tiap suratcara itu diberi satu nombor perserahan mengikut tarikh dan masa penerimaannya. Nombor siri bagi suratcara yang dicatatkan dalam Buku Perserahan itu adalah menentukan keutamaan bagi pendaftaran suratcara itu dan keutamaan ini hendaklah dipatuhi. Keutamaan ini hendaklah dipatuhi. Keutamaan ini hanya boleh diketepikan jika tindakan telah diambil bagi menggantung tindakan mendaftarnya di bawah seksyen 298 Kanun Tanah Negara atau jika siasatan perlu dibuat mengenainya.

5. Pendaftaran sesuatu suratcara selain dari mengikut waktu perserahan adalah dibenarkan dengan syarat peruntukan –peruntukan dalam seksyen 300 Kanun Tanah Negara dapat dipatuhi. Jika keutamaan perlu diberi bagi mendaftar mana-mana suratcara urusan, adalah dinasihatkan bahawa orang yang berkenaan mestilah diberitahu supaya memohon secara bertulis dengan menyatakan sebab-sebab mengapa keutamaan diperlukan. Permohonan-permohonan tersebut yang diluluskan hendaklah disimpan untuk rujukan.

6. Pendaftar-pendaftar dan Pemungut-pemungut adalah diminta supaya mematuhi cara-cara yang dinyatakan dalam perenggan-perenggan di atas apabila menerima sesuatu suratcara untuk perserahan dan apabila memberi keutamaan dalam pendaftaran.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR,
*Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan*

P.T. TM 252/6-22
Kuala Lumpur,
September, 1975